



TEKS UCAPAN

YB TUAN HAJI KHALID BIN ABD. SAMAD
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN

**MAJLIS PERASMIAN UJANA
PERBANDARAN SUNGAI PETANI, KEDAH**

30 NOVEMBER 2019 (SABTU)

**UJANA PERBANDARAN SUNGAI PETANI,
BANDAR PUTERI JAYA**

Yang Berhormat Exco Kerajaan
Negeri Kedah mewakili Yang Amat Berhormat
Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Mahathir
Menteri Besar Kedah Darul Aman selaku tuan
rumah

Yang Berbahagia Datuk Hajah Rosida binti
Jaafar
Ketua Setiausaha, Kementerian Wilayah
Persekutuan

Yang Berusaha Puan Hajah Rotina binti Mohd
Daik
Ketua Pengarah, Jabatan Landskap Negara
Kementerian Wilayah Persekutuan

(senarai VIP untuk saluti akan dimasukkan
setelah mendapat senarai jemputan dan
kehadiran)

**Yang Amat Berhormat/ Tan Sri /Puan Sri/ Datuk
Seri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan-Tuan dan Puan-
Puan sekalian,**

**Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam
Malaysia Baharu.**

MUKADIMAH

Alhamdulillah, segala puji dan syukur saya panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama hadir dalam satu majlis yang sungguh indah lagi bermakna pada pagi ini.

Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan Negeri Kedah terutamanya Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama Haji

Mukhriz Tun Mahathir kerana kesudian pihak Dato' Seri Utama menerima kunjungan kami ke Kedah Darul Aman, Negeri Jelapang Padi.

Di pagi yang berbahagia ini juga, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih serta mengalu-alukan kehadiran Yang Amat Berhormat, Tan Sri, Puan Sri, Datuk Seri, Datuk, Dato', Datin, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kerajaan, Pemimpin Masyarakat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian yang bersama-sama menjayakan majlis ini. Sesungguhnya dengan kehadiran semua pihak pada pagi ini, telah menunjukkan sokongan serta semangat terhadap kecintaan kita pada alam semulajadi, persekitaran landskap yang indah, bersih dan mampan.

Ucapan tahniah juga kepada Jabatan Landskap Negara dengan kerjasama pihak Majlis Perbandaran Sungai Petani kerana berjaya

membangunkan sebuah taman awam yang berfungsi dan komprehensif untuk rakyat Sungai Petani.

(PROGRAM PEMBANGUNAN TAMAN AWAM)

Yang Amat Berhormat/ Tan Sri /Puan Sri/ Datuk Seri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

1. Dunia pada hari ini sedang mengalami pemanasan global dan perubahan iklim. Sebagai satu langkah mengekang masalah ini Kerajaan melalui Jabatan Landskap Negara telah menggariskan Pelan Tindakan 3.1.3 di bawah Dasar Landskap Negara iaitu Membangun Taman Awam, Taman Awam Berskala Besar (Taman Persekutuan), Taman Botani dan Arboretum sebagai teras penghijauan, perbandaran dan pemeliharaan

spesies tumbuhan. Bagi mencapai matlamat tersebut.

2. Jabatan Landskap Negara telah mensasarkan untuk membina sekurang-kurangnya sebuah taman berskala besar bagi setiap negeri. Program Taman Awam yang dibangunkan bertujuan memenuhi keperluan riadah dan rekreasi orang awam dengan mempelbagaikan aktiviti dan ruang-ruang awam yang berfungsi mengikut tujuan pembangunannya di seluruh kawasan perbandaran di Malaysia. Jabatan Landskap Negara juga telah menggandakan usaha untuk menyediakan akses kepada keperluan rekreasi bagi kesejahteraan penduduk dengan membangunkan kawasan lapang sebagai taman awam.

3. Sehingga Oktober 2019, Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Landskap Negara telah

menyiapkan sebanyak Tujuh Puluh Satu (71) buah taman awam di seluruh negara dengan peruntukan sebanyak RM 266 juta. Sesungguhnya kerajaan sangat berbesar hati kerana lima (5) dari jumlah tersebut adalah taman awam yang dibangunkan di seluruh negeri Kedah dengan peruntukan sebanyak RM 20 juta. Taman-taman tersebut adalah Taman Awam Paya Pahlawan, Jitra, Taman Awam Teluk Yu, Langkawi, Taman Awam Tasik Serdang, Bandar Baharu, Taman Awam Peremba, Alor Setar dan termasuklah Ujana Perbandaran Sungai Petani.

4. Taman-taman awam ini dibangunkan berdasarkan kepentingan dan keperluan bagi kemudahan riadah dan rekreasi yang lebih komprehensif dan selesa untuk tujuan kesihatan dan bersosial bagi masyarakat setempat dan pengunjung luar kawasan. Di

samping itu, kerajaan juga memperuntukkan sebanyak RM 2 juta pada tahun ini bagi pelaksanaan 4 projek Menaiktaraf Taman Awam di seluruh negeri Kedah.

(PEMBANGUNAN UJANA PERBANDARAN SUNGAI PETANI)

Yang Amat Berhormat/ Tan Sri /Puan Sri/ Datuk Seri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

5. Di dalam perancangan dan pembangunan RMK11, Kerajaan Persekutuan telah memilih Ujana Perbandaran Sungai Petani untuk dibangunkan berdasarkan keperluan dan kriteria yang telah digariskan. Projek Pembangunan Taman Awam ini dilaksanakan dengan tujuan untuk mengintegrasikan

pembangunan landskap dengan alam semulajadi secara maksima serta persekitaran bandar yang beridentiti, berasaskan warisan dan sosio budaya setempat bersesuaian dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia Negara Taman Terindah.

6. Pembangunan taman awam merupakan salah satu program utama Jabatan Landskap Negara dan ia memberi akses rekreasi kepada masyarakat setempat secara percuma. Ianya wajar diwar-warkan kepada umum agar kemudahan yang disediakan oleh pihak Kerajaan dapat dimanfaatkan sepenuhnya demi kesejahteraan dan kesihatan rakyat. Langkah ini adalah bersesuaian dengan *Sustainable Development Goal (SDG)* yang digariskan oleh Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu di bawah komponen ke 11 iaitu *Sustainable Cities and Communities*. Oleh itu, dengan terbinanya

taman awam yang terletak di Sungai Petani ini, ia dapat memberi manfaat kepada populasi penduduk Sungai Petani yang berjumlah 514,400 orang.

7. Pembangunan Ujana Perbandaran Sungai Petani ini yang merangkumi tapak seluas 11.8 hektar dengan nilai peruntukan sebanyak RM 11,050,000 dikelilingi dengan kawasan perumahan dan pusat perniagaan Bandar Puteri Jaya. Ia direkabentuk dengan menerapkan konsep ***Restorative and Healing Environment*** iaitu menyediakan kemudahan rekreasi serta membaikpulih kawasan tanah terganggu di atas tapak yang telah dicemari akibat aktiviti pembinaan.
8. Saya dimaklumkan bahawa Ujana Perbandaran Sungai Petani ini telah pun memenangi beberapa anugerah iaitu Pemenang Anugerah

Platinum bagi kategori *Outdoor Public Space Category (Urban Park)* oleh *Malaysian Institute of Planners (MIP)* dan juga turut memenangi kategori *Profesional Landscape Analysis & Study Awards* oleh Institut Arkitek Landskap Malaysia (ILAM). Tahniah saya ucapkan kepada pasukan projek dan Jabatan Landskap Negara yang menjayakan sebuah projek yang bermanfaat ini.

**Yang Amat Berhormat/ Tan Sri /Puan Sri/
Datuk Seri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan-Tuan
dan Puan-Puan sekalian,**

9. Sungguhpun Jabatan Landskap Negara baru sahaja menyertai Kementerian Wilayah Persekutuan, saya dapati jabatan ini mempunyai dasar dan hasrat yang sama dalam memenuhi aspirasi dan falsafah kementerian ini. Untuk pengetahuan semua, antara hala tuju

utama Kementerian Wilayah Persekutuan ialah mewujudkan Persekitaran Hijau dengan perancangan pembangunan dan gaya hidup yang mesra alam.

10. Saya dihabarkan bahawa pembangunan Ujana Perbandaran Sungai Petani ini mengutamakan pemeliharaan alam sekitar. Salah satu usaha yang dilaksanakan adalah dengan mengaplikasikan sistem penapisan ekologi berteraskan tumbuhan di kawasan taman ini. Sistem ini yang berfungsi untuk menapis sisa-sisa bahan tercemar daripada kawasan tanah terganggu sebelum dialirkan ke kolam takungan bagi kegunaan masa hadapan. Kepelbagaian kegunaan landskap yang luas juga diadaptasikan dalam kawasan ini dengan membaikpulih keadaan mukabumi yang terhakis akibat aliran air dengan merekabentuk

'Dry Creek' yang berfungsi sebagai longkang/pengairan semula jadi dan menarik.

11. Saya juga turut difahamkan bahawa taman ini turut menyediakan pelbagai kemudahan rekreasi untuk orang awam beriadah. Setiap ruang dan komponen yang disediakan mempunyai fungsi yang tersendiri, sebagai contoh penyediaan sebuah padang yang 'multifunction' sebagai kawasan utama untuk interaksi sosial serta melakukan pelbagai aktiviti. Mengambil kira hasrat kerajaan untuk memastikan setiap peringkat pengunjung dapat memanfaatkan daripada taman awam ini, penyediaan alatan seperti *adult outdoor gym* merupakan tempat beriadah bagi golongan remaja dan warga emas untuk menyihatkan tubuh badan.

12. Harapan saya, masyarakat dapat menghargai segala kemudahan yang telah disediakan dan bersama-sama untuk menjaga dan memelihara keindahan yang kita nikmati ini. Oleh yang demikian, besarlah harapan kerajaan agar komuniti setempat dapat membantu pihak kerajaan dalam menjaga taman ini dan bersepakat dengan mewujudkan Rakan Taman di mana dapat menjadi mata dan telinga kepada kerajaan dalam memastikan taman berada dalam keadaan bersih, cantik, berfungsi dan selamat.

(USAHA DAN HASRAT KERAJAAN)

Yang Amat Berhormat/ Tan Sri /Puan Sri/ Datuk Seri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

13. Usaha untuk menyediakan kemudahan rekreasi seperti taman awam dan seumpamanya tidaklah boleh dibebankan kepada kerajaan semata-mata. Penglibatan semua pihak adalah amatlah digalakkan terutamanya pihak agensi swasta dan NGOs. Saya berharap selepas ini, pihak swasta terutamanya pemaju perumahan turut dapat menyediakan kemudahan rekreasi seperti taman awam bagi memberi kemudahan kepada orang ramai untuk beriadah dan berekreasi.

14. Justeru, usaha berkenaan mampu meningkatkan kualiti landskap dan persekitaran kehidupan di kawasan bandar yang bukan sahaja menggalakkan gaya hidup sihat malah menjadi pilihan untuk penduduk mendiami dan mencari rezeki dalam keadaan persekitaran yang indah, selesa dan selamat. Apa yang penting ialah usaha ini perlu disusuli dengan

perancangan rapi, sokongan jitu dan tindakan penyelenggaraan yang berkesan untuk memastikan kemampanan landskap, kesejahteraan bandar dan kemakmuran rakyat.

(PENUTUP)

Yang Amat Berhormat/ Tan Sri /Puan Sri/ Datuk Seri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

15. Syabas dan tahniah juga diucapkan kepada Jabatan Landskap Negara dan Kementerian Wilayah Persekutuan serta Majlis Perbandaran Sungai Petani di atas usaha untuk menjayakan Majlis Perasmian dan Penyerahan Ujana Perbandaran Sungai Petani pada hari ini. Diharap, dengan adanya pembangunan taman awam ini akan menjadi satu pemangkin untuk mempromosikan kehidupan aktif untuk komuniti

yang sihat di samping meningkatkan kemampuan alam sekitar. Oleh itu, marilah kita bersama-sama berusaha menjadikan **Malaysia Negara Taman Terindah** untuk faedah generasi Malaysia akan datang.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Ujana Perbandaran Sungai Petani dan seterusnya menyerahkan kepada pihak Kerajaan Negeri Kedah di bawah seliaan Majlis Perbandaran Sungai Petani.

Wabillahitaufik

Walhidayah,

Wassalamualaikum

Warahmatullahi

Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.